



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(21)

Tarikh: 6 Julai 2020

KENYATAAN MEDIA

PBBPP Mengumumkan Pembatalan Dua Acara Tahunan

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan semua peristiwa dan aktiviti pelancongan utama di Pulau Pinang dibatalkan atau ditunda. Selaras dengan keputusan kerajaan negeri, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah memutuskan untuk membatalkan dua acara tahunannya, *Penang Hill Heritage Forest Challenge* dan *Trash Free Hill* yang masing-masing dijadualkan pada 23 Ogos 2020 dan 27 September 2020.

Sejak dilancarkan pada tahun 2014, *Penang Hill Heritage Forest Challenge* telah memperoleh reputasi sebagai acara sukan kegemaran yang menarik banyak peminat dan pendaki daripada semua lapisan masyarakat. Tujuan acara ini adalah untuk mempromosikan Bukit Bendera sebagai salah satu destinasi ekopelancongan yang popular serta meningkatkan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar dan pemeliharaan warisan di Bukit Bendera.

Sementara itu, *Trash Free Hill* telah memperoleh reputasinya sebagai acara yang menarik banyak penyertaan daripada pendaki berpengalaman sejak pertama kali ia dilancarkan pada tahun 2018. Objektif acara ini adalah untuk membantu melindungi, memelihara Bukit Bendera sebagai kawasan tadahan air dan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga Bukit Bendera agar bersih daripada sampah-sarap.

Kedua-dua acara ini akan dijadualkan semula pada tahun 2021 dan tarikh acara berkenaan berlangsung akan diumumkan kelak. PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan berterusan mereka kepada Bukit Bendera dalam menjadikannya destinasi yang mesti dikunjungi di Pulau Pinang dan bukit pelancongan pilihan di Malaysia dan rantau ini.

Sila layari laman web PBBPP, www.penanghill.gov.my, atau ikuti laman Facebook rasmi kami di www.facebook.com/mypenanghill untuk maklumat terkini mengenai Bukit Bendera.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
shkoay@penanghill.gov.my

Safina Ramli
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
safina@penanghill.gov.my